

05 OCT 1998

SOAL TANDING TIMBALAN PRESIDEN UMNO LAMBAT LAGI, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau mempunyai "banyak masa lagi" untuk membuat keputusan sama ada akan bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno tahun depan.

"Saya nak beri tumpuan kepada kerja saya," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan satu mesyuarat khas untuk membincangkan mengenai Perhimpunan Perdana pada 10 Okt ini di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini.

Najib yang juga seorang daripada Naib Presiden Umno, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menugaskan beliau dan Naib Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein untuk memberi tumpuan kepada menjayakan perhimpunan itu.

Jawatan Timbalan Presiden Umno kini kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti pada 3 Sept lepas, sehari selepas beliau dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana Dr Mahathir mendapati beliau tidak layak memegang jawatan itu.

Najib berkata tumpuan beliau sekarang ialah untuk mengutamakan kerja bagi menguatkan lagi Umno.

Ketika ditanya bila beliau bercadang untuk mengumumkan hasratnya untuk bertanding jawatan itu, Najib berkata: "Jangan paksa saya. Saya dah biasa sangat dengan soalan sebegini."

-- BERNAMA

ES MAI